

## **Pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu menengah atas**

### **ABSTRAK**

Kajian kuantitatif deskriptif pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu (BM) Tingkatan Empat dijalankan antara objektif utamanya adalah untuk mengenal pasti kekerapan, cara melaksana dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaannya di dalam bilik darjah. 40 orang guru BM dalam daerah Jempol, Negeri Sembilan dipilih sebagai responden kajian. Data kajian diperoleh menggunakan borang soal-selidik 48 item sebagai instrumen. Data dianalisis untuk mendapatkan min, sisihan piawai, dan peratusan bagi setiap item soalan. Dapatan menunjukkan lima kaedah koperatif tertinggi yang menjadi pilihan guru BM ialah kaedah Round Robin Brainstorming yang mencatatkan (min= 3.78,SP=.920). Dikuti dengan kaedah Team Present To Other Team (min=3.68, SP=1.34). Kaedah Think Pair Square dan kaedah Think Pair Share turut berada dalam kategori min tertinggi (min=3.63,SP=.925) dan kaedah Round Table (Min=3.55,SP=.846). Manakala Item 1 ösaya memilih struktur yang bersesuaian dengan tajuk karanganö memperoleh skor paling tinggi (min=4.48,SP=.640) untuk menerangkan cara pelaksanaannya di dalam bilik darjah. Dapatan kajian juga menunjukkan pelaksanaan aktiviti pembelajaran koperatif dalam pengajaran karangan masih tertumpu pada beberapa aktiviti konvensional dan kebanyakan aktiviti baharu agak kurang dilaksanakan oleh guru. Walau bagaimanapun sikap guru dalam melaksanakan pembelajaran koperatif berada pada tahap positif. Justeru, kajian ini diharap dapat membantu semua guru bahasa Melayu sekolah menengah dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha memantapkan elemen pembelajaran koperatif yang merupakan salah satu pendekatan dalam pembelajaran abad 21.

**Keyword:** Implementation; Cooperative learning; Teaching writing; Malay language